

Terpulang BN Sabah putusan sistem penggiliran KM

UM Mahathir
29 JUL 2000

KOTA KINABALU 28 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menegaskan bahawa terpulang kepada Barisan Nasional (BN) Sabah untuk memutuskan sama ada akan meneruskan sistem penggiliran Ketua Menteri atau memansuhkannya.

Menurut Perdana Menteri, walaupun sistem itu dicadangkan oleh beliau, namun ia dilaksanakan selepas dipersetujui oleh semua komponen BN negeri.

“Memang benar saya yang memulakannya, tetapi jika mereka ada bantahan mereka tentu sudah membantahnya waktu itu. Tiada siapa yang membantah, semua orang terimanya,” katanya pada sidang media sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur hari ini selepas melakukan lawatan rasmi tiga hari ke negeri ini.

Dr. Mahathir berkata, jika sekarang beliau mengatakan supaya sistem penggiliran itu dihentikan mungkin ada pihak yang akan membantah.

“Keputusan muktamad biar ditentukan oleh rakyat,” jelasnya.

Ditanya adakah itu menunjukkan sistem itu akan diteruskan, Dr. Mahathir memberitahu: “Setakat apa yang saya tahu, saya sedia terima apa juga pilihan oleh rakyat Sabah.”

Dasar itu, katanya, adalah perkara yang berkaitan dengan BN negeri dan oleh yang demikian adalah wajar keputusan tersebut dibuat di kalangan parti-parti komponen BN di negeri ini.

Sementara itu ketika ditanya kemungkinan kerajaan akan menaikkan harga minyak, Perdana Menteri berkata, sebarang kenaikan akan melibatkan kajian terperinci termasuk kesan ke atas pengguna dan perniagaan.